

Lampiran 1

Soal Temu bual

1. Seseorang yang ingin melakukan perkawinan terkadang tidak lagi berfikir tentang batasan umur, paras wajah, suku, mahupun agama. Hal ini disebabkan kebanyakan orang lebih memilih hubungan yang didasari atas nama cinta daripada yang lain. Bagaimana pendapat anda mengenai perkara tersebut ? Dan apakah yang menjadi punca anda memilih berkahwin berbeza agama ?
2. Apakah sebelum berkahwin, anda meminta nasihat daripada tokoh agama mahupun pakar hukum perkahwinan Indonesia ? Apakah anda mengikuti nasihatnya atau sebaliknya ? Apa alasan anda ?
3. Di Indonesia, seseorang yang ingin berkahwin berbeza agama selalu mendapat halangan daripada mahkamah dan tokoh agama. Bagaimana dengan perkahwinan anda ? Apakah yang menyebabkan perkahwinan anda mendapatkan kelulusan daripada institusi perkahwinan di Indonesia ? Institusi manakah yang memberikan kelulusan ?
4. Apakah perkahwinan anda mendapat izin daripada orang tua kedua belah pihak ? Bagaimana anda meyakinkan mereka ?
5. Bagaimana pandangan dan sikap masyarakat terhadap perkahwinan anda ? Dan bagaimana pula anda bersikap terhadap masyarakat tersebut ?
6. Selepas berkahwin, apakah anda menemukan kebahagiaan di dalam keluarga anda? Bagaimana anda mengatasi perselisihan yang berlaku di dalam keluarga anda, terutama mengenai perkara yang berhubung kait dengan prinsip hidup dan agama ?
7. Adakah pasangan anda tertarik dengan agama anda ? apakah ada kemungkinan pasangan anda mengikuti agama anda ? kenapa ?
8. Bagaimana anda mendidik anak dalam masalah agama ? Apakah ada kesepakatan di antara pasangan anda atau memberikan kebebasan kepada anak anda untuk memilih agamanya sendiri ?
9. Jika anda sudah punya anak, apakah anda lebih menginginkan anak mengikuti agama anda atau sebaliknya ? apakah alasan anda ?

10. Menurut anda, apakah kedekatan anak kepada salah satu orang tuanya memberikan dampak kepadanya untuk memilih agama ? siapakah di dalam keluarga anda yang lebih dekat dengan anak-anak ? bagaimana pula pengaruhnya?

LAMPIRAN